

Ruj. Kami : ST(IP/PPTKP/DSM)1/4 Jld.5 (19)

Tarikh : 28 Mei 2018

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein
Precinct 2
62100, Putrajaya
Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Prof Madya Dr. Shahrudin bin Hj. Mahzan
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia.

TP / TDP,
Utuh supnan. Tahniah!
Sesalnia ysl.
TUCA/CAO JM

Tuan,

**KEPUTUSAN PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PENTAULIAHAN SEBAGAI
PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR MELALUI PENGAJIAN PROGRAM
SARJANA SAINS KEJURUTERAAN TENAGA LESTARI (MDL) DI UNIVERSITI TUN
HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Suruhanjaya Tenaga (ST) telah meneliti permohonan tuan untuk mendapatkan pengiktirafan pentauliahan sebagai Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar melalui pengajian program Sarjana Sains Kejuruteraan Tenaga Lestari (MDL) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
3. ST telah bersetuju untuk meluluskan permohonan tersebut dengan syarat pelajar hendaklah mengambil ketiga-tiga kursus elektif *Energy Management & Efficiency*, seperti yang telah dinyatakan dalam Lampiran A.
4. Perkara ini adalah dikemukakan untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.



Ir. ABDUL RAHIM BIN IBRAHIM

Pengarah
Jabatan Pembangunan Pengurusan Tenaga Dan Kualiti Perkhidmatan
b.p Suruhanjaya Tenaga



PENGIKTIRAFAN PROGRAM PENGAJIAN UNTUK BERDAFTAR SEBAGAI PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR

SURUHANJAYA TENAGA dengan ini memberi pengiktirafan kepada


UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

untuk mengendalikan program pengajian bagi pendaftaran Pengurus Tenaga Elektrik seperti di bawah:-

PROGRAM : **SARJANA SAINS KEJURUTERAAN TENAGA LESTARI (MDL)**

TEMPOH PROGRAM : **SEPENUH MASA – SATU (1) TAHUN (3 semester)
SEPARUH MASA – DUA (2) TAHUN (4 semester)**

berkuatkuasa dari tarikh kebenaran ini ditandatangani dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan seperti di dalam Lampiran A.



.....
(Ir. Azhar bin Omar)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

Tarikh : **31** Mei 2018

SYARAT-SYARAT	TEMPOH DAN PEMARKAHAN																						
<p>KELAYAKAN TENAGA PENGAJAR: Tenaga pengajar untuk program ini hendaklah terdiri daripada pengurus tenaga elektrik (PTE) yang berdaftar dengan ST, CEM, agensi kerajaan dan jurutera professional yang bergiat aktif dalam industri di mana pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan terdedah secara menyeluruh dengan perkembangan semasa kecekapan tenaga di dalam sektor industri.</p> <p>SYARAT KELAYAKAN UNTUK DIDAFTARKAN SEBAGAI PTE: Merujuk kepada peraturan 12 (1), Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cepak 2008; "Seseorang yang memohon untuk didaftarkan sebagai seorang pengurus tenaga elektrik bagi maksud Peraturan-Peraturan ini hendaklah memuaskan hati Suruhanjaya bahawa—</p> <p>(a) dia ialah seorang warganegara Malaysia yang berumur 23 tahun ke atas yang –</p> <p>(ii) memegang ijazah dalam Sains, Kejuruteraan, Seni Bina atau yang setaraf dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman kerja dalam pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di sesuatu pemasangan;"</p> <p>Bagi memenuhi kehendak dalam PPTEC 2008 iaitu pengalaman bekerja selama satu (1) tahun, satu modul Projek Sarjana I dan II (10 kredit) hendaklah dijalankan di mana ia adalah bersamaan dengan pengalaman bekerja dalam pengurusan tenaga elektrik dengan cekap selama satu (1) tahun. Projek Sarjana I dan II tersebut perlu melibatkan projek berkenaan kecekapan tenaga termasuk kajian kes (<i>case studies</i>) dari industri.</p> <p>Pelajar hendaklah mengambil ketiga-tiga kursus elektif <i>Energy Management & Efficiency</i> dan mengemukakan salinan transkrip semasa proses permohonan sebagai PTE.</p>	<p>PENGENDALIAN PROGRAM: UTHM hendaklah mengadakan dan mengekalkan sistem dan kemudahan pembelajaran yang memuaskan dan menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan sesuai dengan kursus yang ditawarkan kepada pelajar.</p> <p>SEPENUH MASA: Jangka masa selama satu (1) tahun iaitu 3 semester.</p> <p>SEPARUH MASA: Jangka masa selama dua (2) tahun iaitu 4 semester.</p> <p>PEMARKAHAN: Pemarkahan adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="863 981 1326 1339"> <thead> <tr> <th data-bbox="863 981 1002 1025">Penilaian</th> <th colspan="2" data-bbox="1007 981 1326 1025">% Markah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="863 1025 1002 1093" rowspan="2">Teras</td> <td data-bbox="1007 1025 1241 1070"><i>Coursework</i></td> <td data-bbox="1246 1025 1326 1070">60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1007 1070 1241 1115"><i>Exam</i></td> <td data-bbox="1246 1070 1326 1115">40</td> </tr> <tr> <td data-bbox="863 1115 1002 1205" rowspan="2">Elektif</td> <td data-bbox="1007 1115 1241 1160"><i>Coursework</i></td> <td data-bbox="1246 1115 1326 1160">50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1007 1160 1241 1205"><i>Industrial-based project</i></td> <td data-bbox="1246 1160 1326 1205">50</td> </tr> <tr> <td data-bbox="863 1205 1002 1339" rowspan="4">Projek Sarjana I & II</td> <td data-bbox="1007 1205 1241 1249"><i>Report</i></td> <td data-bbox="1246 1205 1326 1249">40</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1007 1249 1241 1294"><i>Performance</i></td> <td data-bbox="1246 1249 1326 1294">10</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1007 1294 1241 1339"><i>Paper</i></td> <td data-bbox="1246 1294 1326 1339">10</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1007 1339 1241 1384"><i>Presentation</i></td> <td data-bbox="1246 1339 1326 1384">40</td> </tr> </tbody> </table> <p>PERUBAHAN ATAU PENAMBAHAN SYARAT: Suruhanjaya Tenaga berhak meminda atau menambah syarat-syarat yang ditetapkan ini dari semasa ke semasa.</p> <p>PENARIKAN BALIK Pengiktirafan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga tidak dipatuhi.</p>	Penilaian	% Markah		Teras	<i>Coursework</i>	60	<i>Exam</i>	40	Elektif	<i>Coursework</i>	50	<i>Industrial-based project</i>	50	Projek Sarjana I & II	<i>Report</i>	40	<i>Performance</i>	10	<i>Paper</i>	10	<i>Presentation</i>	40
Penilaian	% Markah																						
Teras	<i>Coursework</i>	60																					
	<i>Exam</i>	40																					
Elektif	<i>Coursework</i>	50																					
	<i>Industrial-based project</i>	50																					
Projek Sarjana I & II	<i>Report</i>	40																					
	<i>Performance</i>	10																					
	<i>Paper</i>	10																					
	<i>Presentation</i>	40																					